

(3)

E-Document
1500011857

MEDIA MASSA : EMBARGO SEHINGGA 19 FEBRUARI 2019 JAM 12.01 PAGI



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwp.gov.my

KENYATAAN MEDIA

ATLET AKUATIK TERJUN NEGARA ANTARA PENERIMA DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT WILAYAH PERSEKUTUAN TAHUN 2019

Sukacita dimaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong XVI Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah telah perkenan untuk mengurniakan Darjah Kebesaran Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan (DKBPWP) kepada 200 penerima sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2019 yang berlangsung di Istana Negara, Kuala Lumpur.

Pada tahun ini, seorang individu dianugerahkan **Seri Mahkota Wilayah (SMW)** yang membawa gelaran **Datuk Seri**, 27 individu dianugerahkan **Panglima Mahkota Wilayah (PMW)** yang membawa gelaran **Datuk**. Selebihnya, 36 individu dianugerahkan **Johan Mahkota Wilayah (JMW)**, 32 individu menerima anugerah **Kesatria Mahkota Wilayah (KMW)**, 36 individu menerima anugerah **Ahli Mahkota Wilayah (AMW)** dan 68 individu menerima **Pingat Pangkuhan Mahkota Wilayah (PPW)**.

YBhg. Datuk Jalil Bin Marzuki, Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri mendahului senarai penerima yang akan dikurniakan Darjah Kebesaran Seri Mahkota Wilayah (SMW) membawa gelaran **Datuk Seri**. Beliau merupakan satu-satunya penerima Seri Mahkota Wilayah pada tahun ini. Beliau telah berkhidmat di Wilayah Persekutuan selama 33 tahun. Kini beliau bertanggungjawab menyelaras dan memantau projek-projek pembangunan mahkamah di seluruh Malaysia dan menyelia Jabatan Bantuan Guaman dan Jabatan Insolvensi Malaysia.

Firme,

Fauzan dan sanusi mds

19/2/2019

Selain itu, turut diberi penghargaan pada hari ini kepada ahli akademik yang juga merupakan pendakwah selebriti wanita terkenal iaitu Prof. Dr. Harlina Halizah Binti Hj. Siraj @ Hj. Ramli, Profesor Ginekologi Dan Pendidikan Perubatan (Pengajaran Klinikal), Fakulti Perubatan, Universiti Kebangsaan Malaysia yang dikurniakan Darjah Kebesaran Panglima Mahkota Wilayah membawa gelaran Datuk dan Prof. Madya Dr. Sharifah Hayaati Binti Syed Ismail, Pensyarah Kanan di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya dikurniakan Bintang Johan Mahkota Wilayah (JMW).

Empat (4) orang atlet negara turut diberi pengiktirafan dengan dikurniakan Bintang Ahli Mahkota Wilayah (AMW) iaitu Cik Nur Dhabitah Binti Sabri, atlet akuatik terjun negara yang merupakan anak jati Kuala Lumpur. Pencapaian terbaik beliau ialah mendapat tempat ke-5 dalam Sukan Olimpik; 1 pingat perak dan 2 pingat gangsa di Sukan Asia dan 2 pingat gangsa di Sukan Komanwel dan pernah dinobatkan sebagai Olahragawati Wilayah Persekutuan tahun 2017. Manakala atlet yang mewakili SUKMA Perak 2018 dan menyumbangkan 3 pingat emas bagi acara angkat berat, Cik Jabriella Teo Samuel dan Encik Muhammad Erry Hidayat Bin Muhammad Hidayat serta 1 pingat emas dan 1 gangsa bagi acara boling padang, Cik Nur Ain Nabilah Binti Tarmizi dikurniakan Pingat Pangkuhan Mahkota Wilayah (PPW).

Kementerian Wilayah Persekutuan berbangga dengan pencapaian semua penerima Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan pada hari ini. Jutaan terima kasih diucapkan di atas segala jasa dan bakti yang menyumbang ke arah pembangunan Wilayah Persekutuan baik dari segi sosial mahupun keagamaan.

DATUK SERI HAJI SARIPUDDIN BIN HAJI KASIM

Ketua Setiausaha

Kementerian Wilayah Persekutuan

19 Februari 2019